

# KONTAK DAN PERUBAHAN DIALEK: TINJAUAN TERHADAP MALAYIK HULU SEMENANJUNG

Mohd Tarmizi HASRAH\*<sup>1</sup>  
Mohammad Khairulanwar ABD. GHANI<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Universiti Utara Malaysia, Malaysia

<sup>1</sup>h.tarmizi@uum.edu.my

<sup>2</sup>ujanasaatera.ka3@gmail.com

*Manuscript received 13 December 2023*

*Manuscript accepted 24 November 2024*

*\*Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.6347.2024>

## ABSTRAK

Pemodenan Malaysia telah mempercepatkan perubahan dialek tradisional, dan ini dicerap menerusi peralihan struktur linguistiknya daripada yang kompleks kepada yang umum dan mudah. Berpandukan perspektif kontak dialek menerusi proses pelevelan, makalah ini membincangkan perubahan yang dialami oleh beberapa dialek tradisional Malayik hulu Semenanjung akibat kontak dengan dialek hilir. Antara dialek yang dianalisis ialah dialek hulu Kelantan, dialek hulu Dungun, dialek hulu Kedah dan dialek hulu Pahang. Makalah ini menegaskan bahawa faktor terpenting yang melatari perubahan dalam dialek yang dikaji ialah kontak yang ternatijah daripada migrasi daripada kawasan hilir ke kawasan hulu dan pedalaman. Secara tabii, migrasi tidak sekadar membawa batang tubuh manusia, tetapi yang turut ikut serta ialah bahasa yang dituturkan. Justeru, migrasi berdaya menghasilkan kontak dialek. Kemudian, kontak mewujudkan peminjaman antara dialek. Proses pelevelan beroperasi serempak dengan peminjaman, iaitu apabila dialek yang meminjam menstrukturkan sistem linguistiknya untuk disesuaikan dengan sistem linguistik dialek peminjam. Keempat-empat dialek yang dikaji sememangnya mematuhi peraturan ini, justeru menampakkan trajektori perubahan yang menuruti sistem linguistik dialek yang dipersepsikan lebih berprestij di sesebuah kawasan, iaitu dialek hilir, berbanding dengan bahasa piawai atau standard. Tuntasnya, makalah ini menawarkan kelihan yang menguntaikan fenomena perubahan dialek dengan kontak akibat migrasi. Kelihan ini menampilkan tafsiran baru tentang trajektori difusi dialek berdasarkan model heteronomi.

**Kata Kunci:** dialektologi; dialek Melayu; Malayik; perubahan dialek; kontak

## **Contact and Dialect Change: A Survey on Malayic in the Inland Peninsula**

### **Abstract**

*The modernisation of Malaysia has accelerated the change of traditional dialects. This can be observed through the transition in the linguistic system of a traditional dialect, which is normally complex, to a simplified one. Based on the dialect contact perspectives through the leveling process, this paper discusses the features of change experienced by some traditional Malayic dialects in the Peninsula, namely hulu Kelantan dialect, hulu Dungun dialect, hulu Kedah dialect and hulu Pahang dialect. This paper asserts that the most important factor behind the dialectal changes is the community migration from downstream to upstream and inland areas. Naturally, the process does not only entail physical relocation, but also the language the people speak. Migration therefore produces contact and creates dialectal borrowings. The process of assimilation operates simultaneously with borrowing, when a borrowing dialect structures its linguistic system to adapt to the linguistic system of a borrowed dialect. The four dialects studied indeed comply with this formula, thus showing a trajectory of change that follows the linguistic system of a more prestigious dialect as opposed to the standard language. Finally, this paper offers an explanation that links the phenomenon of dialect change with ecology, thus showing the importance of ecological elements in determining the trajectory of change.*

**Keywords:** *dialectology; Malay dialect; Malayic; dialect change; contact*

### **Pendahuluan**

Dialek tradisional merupakan dialek yang lazimnya dicirikan dengan sistem linguistik khusus dan kompleks. Sistem tersebut berbeza dengan sistem linguistik dialek dan bahasa piawai yang berciri umum dan mudah. Kompleksiti sistem linguistik dialek tradisional berpunca daripada tipologi sosiolinguistik yang berparameter “masyarakat yang akrab” disebabkan keterpencilan kawasan huniannya maka kebal daripada sebarang perubahan (Trudgill, 2011). Namun begitu, daya gerak pemodenan Malaysia, umpamanya menerusi penerokaan kawasan yang mempunyai potensi ekonomi, menatijahkan pelebaran perhubungan dan migrasi, justeru telah menyemarakkan kontak linguistik di semenanjung. Hal ini menyebabkan dialek tradisional mengalami perubahan daripada bersistem kompleks kepada bersistem mudah.

Perubahan dialek tradisional akibat kontak ini dapat ditafsirkan dengan dua keadaan. Pertama, kontak menghasilkan sistem linguistik baharu yang menggabungkan sistem linguistik sedia ada dalam ekologi linguistik di kawasan kontak (Britain & Trudgill, 1999; Trudgill, 2004). Kedua, kontak menatijahkan pelenturan sistem linguistik dialek tradisional dengan menuruti sistem linguistik dialek piawai yang memiliki prestij (Trudgill, 1986). Sama ada yang pertama mahupun kedua, perubahan yang dialami oleh dialek tradisional dalam situasi kontak ialah peralihan sistem linguistik yang spesifik dimilikinya kepada sistem yang lebih umum.

Kajian ini bertujuan membincangkan perkara tersebut secara terperinci dengan menjadikan dialek tradisional semenanjung sebagai objek penelitian. Isu yang menjadi fokus ialah apakah bentuk perubahan linguistik yang terjadi kepada dialek tradisional semenanjung? Kemudian, bagaimanakah pula trajektori perubahannya? Akhir sekali, apakah faktor yang mendorong perubahan linguistik dialek tradisional semenanjung? Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk perubahan linguistik dialek tradisional yang dikaji, selain bertujuan menganalisis trajektori difusi dialek tradisional dan menentukan faktor yang mendorong difusi tersebut.

Bagi memastikan objektif dicapai dengan berpeda, kajian ini menjadikan empat dialek tradisional semenanjung, iaitu dialek hulu Kelantan (DHK), dialek hulu Dungun (DHD), dialek hulu Kedah (DHKe) dan dialek hulu Pahang (DHP) sebagai bahan analisis. Keempat-empat dialek tersebut disifatkan sebagai tradisional disebabkan kesemuanya mematuhi tipologi sosiolinguistik yang dikemukakan oleh Trudgill (2011). Aspek linguistik yang menjadi fokus analisis ialah fonologi yang diperikan secara diakronik dan sinkronik. Pemerian fonologi diakronik dan sinkronik membolehkan analisis trajektori difusi dialek bagi menilai dan seterusnya menambah baik model heteronomi dialek yang sedia ada. Akhirnya, kajian ini turut membincangkan faktor yang menyebabkan peralihan dialek tradisional semenanjung yang terdapat di kawasan hulu berpandukan perspektif ekologi manusia.

### **Sorotan Literatur**

Tinjauan literatur menunjukkan kewujudan korpus ilmu yang signifikan tentang dialek yang dikaji. Secara umum, semua korpus kajian ini berfokus kepada tiga tema, iaitu (1) pemerian fonologi sinkronik dan diakronik, (2) fenomena linguistik yang dikaitkan dengan kontak dan faktor ekstralinguistik, dan (3) pembinaan model difusi dialek.

Pertama, pemerian fonologi sinkronik. Maksudnya menjurus pemerian sistem fonologi DHK, DHD, DHKe dan DHP dengan menerapkan teori dan pendekatan fonologi struktural, generatif serta neogeneratif seperti optimaliti dan autosegmental (Hussein, 1973; Mohd Noor, 1983; Omar, 1985; Sulaiman, 2015; Salam & Jaafar, 2019). Tujuannya adalah untuk menerbitkan rumus yang mendasari gejala fonologi dialek yang dikaji. Untuk diakronik pula, pemerian fonologi DHK, DHD, DHKe dan DHP berfokus kepada aspek retensi dan inovasi ciri linguistik bahasa dan dialek purba bagi tujuan pengelompokan dan penyebaran (Collins, 1983a, 1998; Omar, 1985; Hasrah, 2018a, 2018b, 2022; Hasrah & Abd Ghani, 2021; Abd Ghani & Hasrah, 2023).

Kedua, fenomena linguistik yang dikaitkan dengan kontak dan faktor ekstralinguistik (Hussein, 1973; Omar, 1985; Collins, 1983a, 1983b, 1998; Sulaiman, 2015; Abd Ghani & Hasrah, 2023). Keberadaan ciri linguistik tertentu dalam DHK, DHD, DHKe dan DHP sama ada retensi mahupun inovasi dipengaruhi oleh kontak dialek. Sebagai contoh, pengekalan vokal tinggi suku kata praakhir dalam DHK dan DHD. Selain itu, pemerian gejala linguistik dikaitkan juga dengan faktor ekstralinguistik seperti migrasi dan pelancongan, umpamanya keberadaan ciri konsonan beraspirasi dalam DHKe dan penyingkatan diftongisasi konsonantal dalam DHP.

Ketiga, pembinaan model difusi dialek. Hanya dua kajian yang relevan dengan tema ini, iaitu Omar (1985) dan Collins (2016). Omar menekankan dialek piawai di

pusat kebudayaan sebagai sumber difusi. Oleh sebab itu, fenomena linguistik yang muncul dalam DHK, DHD, DHKe dan DHP dianggap berpunca daripada pengaruh dialek piawai yang dituturkan di pusat pentadbiran yang terletak di kawasan hilir, pekan dan bandar. Collins pula menegaskan tentang perubahan dialek tradisional ke arah penyatuan (1) dengan bahasa Melayu piawai berpandukan model heteronimi, dan (2) dengan “koine” piawai di sesebuah kawasan. Dengan contoh yang spesifik, iaitu dialek Hulu Tembeling (sebahagian daripada DHP), Collins mengemukakan bukti fonologi yang menunjukkan keberadaan dua arah difusi ini yang tersebar menerusi pendidikan, rangkaian komunikasi, pelancongan dan penghijrahan.

Tuntasnya, sorotan literatur menunjukkan tiga perkara. Pertama, fokus pemerian linguistik (iaitu fonologi) adalah terhadap aspek sinkronik dan diakronik tanpa mengambil kira perubahan yang bersifat semasa dalam masyarakat tutur. Dengan perubahan semasa, maksudnya perubahan linguistik antara generasi penutur. Kedua, walaupun kajian sedia ada menyentuh tentang pengaruh ekstralinguistik bagi menjelaskan fenomena linguistik yang dikaji, namun kupasan tentang pengaruh tersebut tidak dilanjutkan bagi merungkai perubahan linguistik semasa. Ketiga, terdapat percanggahan antara model difusi Omar (1985) dan Collins (2016), justeru menatijahkan persoalan tentang trajektori difusi yang lebih berpada bagi menjelaskan gejala perubahan linguistik dalam DHK, DHD, DHKe dan DHP.

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini berpaksikan pada metodologi kualitatif. Maka, pemberatannya ialah aspek pengumpulan dan pemerian data lapangan serta analisis dan tafsiran yang berpandukan kerangka teori atau pendekatan tertentu yang dianggap berpada.

### **Instrumen Kajian**

Pengumpulan data di lapangan melibatkan penggunaan instrumen soal selidik yang dibina berdasarkan daftar kata asas Swadesh (Swadesh, 1951). Daftar kata asas ini disesuaikan pula dengan keadaan Alam Melayu dan dikembangkan sehingga mencecah 600 item leksikal.

### **Pengumpulan Data**

Data DHK, DHD, DHKe dan DHP dicuplik lewat kajian lapangan yang dilakukan secara berperingkat bermula pada 2009 hingga 2021. Asas penentuan kawasan kajian ialah pernyataan bahawa dialek tradisional ialah variasi yang memperlihatkan perbezaan ketara dengan bahasa piawai (Trudgill, 1999). Dialek tersebut dituturkan di kawasan pedalaman atau hulu lembangan sungai (Collins, 2016). Selain kedudukan geografi, pemilihan kawasan kajian juga disebabkan kewujudan persepsi masyarakat awam yang menyatakan bahawa pertuturan orang hulu dan pedalaman sukar difahami bahkan dianggap sebagai “bahasa lama (Collins, 1998, 2016). Semua justifikasi ini berpandukan parameter tipologi sosiolinguistik (Trudgill, 2011). Jadual 1 memaparkan senarai kawasan yang dikunjungi.

**Jadual 1**

*Senarai Kampung*

Hulu Kelantan	Hulu Dungun	Hulu Kedah	Hulu Pahang
Kuala Betis	Pasir Raja	Bongor	Sentang

**Informan**

Dalam kajian ini, dua orang informan dipilih bagi setiap kawasan kajian. Pemilihannya ditentukan menerusi kriteria NORM/F (non-mobile, old, rural, male/female) (Chambers & Trudgill, 1998). Bagi menonjolkan kelainan pertuturan antara generasi, semua informan yang dipilih berusia dalam lingkungan 20-an hingga 80 tahun. Hal ini bermaksud kedua-dua orang informan yang ditemu bual mewakili generasi muda dan generasi tua masing-masingnya. Jadual 2 mengandungi maklumat ringkas tentang pecahan informan.

**Jadual 2**

*Informan*

Lokasi	Kuala Betis	Pasir Raja	Bongor	Sentang
Jantina				
Lelaki	2	1	2	1
Perempuan	-	1	-	1

**Pemerhatian Turut Serta dan Temu Bual**

Bagi memastikan data yang dikumpul bersifat alamiah dan absah, maka kegiatan di lapangan bermula dengan pemerhatian turut serta terhadap lakuan pertuturan masyarakat. Lokasinya ialah pusat tumpuan masyarakat setempat seperti gerai dan warung. Tujuan pemerhatian turut serta adalah untuk mengenal pasti ciri linguistik khas dan perbezaan pertuturan antara generasi. Setelah dikenal pasti kedua-duanya, barulah temu bual rasmi dijalankan. Dua teknik temu bual diterapkan, iaitu temu bual langsung dan temu bual tidak langsung (Chambers & Trudgill, 1998). Untuk temu bual langsung, pengkaji mengajukan pertanyaan item demi item seperti “orang sini panggil apa?” sambil tangan menunjuk ke hidung. Bagi temu bual tidak langsung pula, pengkaji meminta informan bercerita tentang kisah yang berkaitan dengan item leksikal yang ingin dicuplik. Semua item leksikal dirakam dengan alat perakam dan ditranskripsi menggunakan lambang fonetik antarabangsa (International Phonetic Alphabet).

**Pendekatan Analisis**

Secara asas, kajian ini menerapkan pendekatan analisis deskriptif-struktural, dan pengoperasiannya berpandukan objektif yang ditetapkan. Oleh sebab kajian ini mengandungi tiga objektif, maka diperlukan juga tiga pendekatan analisis yang saling bertaut: (1) pemerian fonologi bagi mengenal pasti perubahannya, (2) penentuan faktor perubahan dan (3) pembinaan model trajektori difusi.

## **Pemerian Fonologi**

Terdapat tiga peringkat analisis bagi mengenal pasti perubahan fonologi. Peringkat pertama ialah penentuan ciri khas DHK, DHD, DHKe dan DHP. Maksud ciri khas ialah ciri DHK, DHD, DHKe dan DHP yang tidak ada dalam dialek Malayik semenanjung yang lain, justeru dianggap sebagai unik bagi dialek-dialek tersebut. Prinsip penentuan ciri khas adalah jika sesuatu segmen bunyi dialek semasa berinovasi atau diretensikan daripada bahasa/dialek purba, dan ia pula tiada dalam dialek lain, maka segmen bunyi berkenaan dianggap ciri khas dialek semasa. Contohnya, inovasi bahasa Malayik purba (MP) \*-a > DHD [-ε] ditafsirkan sebagai ciri khas DHD kerana inovasi ini unik di kawasan pedalaman Terengganu.

Peringkat kedua ialah perbandingan ciri khas DHK, DHD, DHKe dan DHP dengan dialek hilir. Secara spesifik, dialek hilir yang terlibat ialah dialek hilir Kelantan varian Pasir Mas dan Pasir Puteh (Che Kob, 1985; Hasrah, 2018a), dialek pesisir Terengganu varian Beladai Selat (Hasrah, 2018a), dialek hilir Kedah varian Alor Setar (Omar, 1985) dan dialek hilir Pahang varian Temerloh (Collins, 1983b; Zaidi et al., 2021). Penentuan perubahan dilakukan menerusi perbandingan ciri khas dialek hulu dengan ciri yang serupa dalam dialek hilir. Tujuan perbandingan adalah bagi menonjolkan perbezaan, justeru menegaskan kewujudan dua dialek di sesebuah kawasan (Hasrah, 2018a).

Analisis peringkat ketiga ialah pengenalanpastian perbezaan ciri fonologi antara informan. Premis asasnya ialah ciri fonologi informan generasi tua mewakili ciri khas DHK, DHD, DHKe dan DHP, manakala ciri fonologi informan generasi muda pula dianggap mewakili ciri khas dialek hilir. Berpandukan kepada premis ini, perbandingan ciri fonologi dilakukan antara informan yang terlibat. Andaiannya, jika ciri fonologi informan generasi tua serupa dengan informan generasi muda, maka tidak berlaku peralihan dialek di kawasan hulu. Sebaliknya, jika ciri fonologi informan generasi muda memperlihatkan kelainan daripada ciri fonologi informan generasi tua, maka peralihan linguistik terjadi. Andaian pertama tidak unik, justeru tidak memerlukan analisis lanjut, tetapi tidak demikian untuk andaian kedua, maka analisis terperinci diperlukan. Isunya melibatkan penentuan bentuk perubahan dan trajektori peralihan linguistik.

## **Model Heteronomi Dialek**

Penentuan trajektori perubahan dialek dibuat berpandukan konsep heteronomi dialek (Chambers & Trudgill, 1998). Secara kasar, konsep ini merujuk suatu keadaan yang memperlihatkan kecenderungan masyarakat bahasa yang bertutur dalam variasi tidak piawai tetapi beralih kepada variasi piawai. Dalam kajian ini, heteronomi dialek beroperasi apabila informan generasi muda dialek hulu mula beralih untuk menggunakan dialek hilir yang dianggap sebagai variasi piawai. Kajian ini akan membina model heteronomi bagi menggambarkan perubahan dialek tersebut.

## **Ekologi Manusia**

Faktor perubahan dialek hulu kepada dialek hilir dianalisis berpandukan konsep ekologi. Akan tetapi, konsep ini dibataskan sekadar melibatkan ekologi manusia, iaitu migrasi. Premisnya, pertembungan atau kontak tidak hanya membawa batang tubuh manusia ke kawasan tertentu, tetapi turut membawa dialek yang dituturkan. Kontak mendatangkan natijah linguistik, iaitu peminjaman dan perubahan yang dipengaruhi oleh prestij sosial. Maka, kontak, peminjaman dan prestij sosial ialah tiga elemen penting yang dianalisis sebagai faktor pendorong perubahan dialek di kawasan kajian.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Penerapan pendekatan yang dikupas terhadap data yang dikumpul di lapangan dan data sekunder daripada kajian lepas menghasilkan dapatan tentang (1) pemerian ciri fonologi khas dan perubahannya, (2) trajektori difusi, dan (3) faktor perubahan.

### **Pemerian Fonologi Khas dan Perubahannya**

Ciri fonologi khas merujuk ciri linguistik yang unik bagi DHK, DHD, DHKe dan DHP. Ciri tersebut tiada dalam dialek lain. Perubahannya pula bermaksud peralihan ciri fonologi khas DHK, DHD, DHKe dan DHP kepada ciri fonologi khas dialek hilir.

### ***Dialek Hulu Kelantan***

DHK ialah dialek yang dituturkan di hulu Kelantan di sepanjang Sungai Nenggiri hingga Bertam (Hasrah, 2018b, 2022). DHK merupakan dialek tersendiri kerana dicirikan dengan beberapa ciri fonologi khas, justeru terpisah daripada dialek yang dituturkan di kawasan hilir Kelantan (kawasan di sepanjang Sungai Kelantan bermula dari jajahan Kuala Krai hingga ke kuala sungai). Walaupun terdapat beberapa ciri fonologi khas DHK yang memperlihatkan persamaan dengan dialek hilir, namun kebanyakannya unik bagi kawasan hulu, antaranya:

1. Pengekalan vokal tinggi MP suku kata praakhir
2. Pengekalan MP \*-aŋ

Dari segi penyebaran, kedua-dua ciri khas ini tidak meluas. Hal ini disebabkan ciri tersebut hanya dikesan dalam pertuturan penduduk asal hulu Kelantan. Penduduk yang berhijrah dari hilir mengekalkan ciri fonologi dialek hilir. Ciri MP \*-aŋ umpamanya kekal dituturkan sebagai [-aŋ] oleh penduduk asal Kuala Betis seperti dalam [tula<sup>ŋ</sup>] “tulang”, tetapi leksikal ini disebut sebagai [tulɛ̃] oleh penduduk yang berhijrah dari hilir (Hasrah, 2018b, 2022).

Ternyata penghijrahan dari hilir ke hulu menyebabkan pergeseran linguistik. Kesannya, ciri dialek hilir telah mengambil alih ciri khas DHK terutama ciri (ii) di atas. Hasrah (2018b, 2022) menyatakan bahawa ciri \*-aŋ bagi dialek purba semenanjung timur terhasil daripada penyatuan MP \*-am, \*-an dan \*-aŋ. Maksudnya, pada tahap dialek purba, semua konsonan nasal MP dalam lingkungan akhir kata mengalami

penyatuan kepada \*\*ŋ. Daripada inovasi dialek purba ini, setiap dialek mengambil trajektori sinkronik yang berbeza, iaitu inovasi dan retensi sekali gus. Salah satu dialek yang meretensikannya ialah DHK.

**Jadual 3**

*Pengekalan Nasal MP \*-aŋ*

MP	DHK
*uɣaŋ	[uɣaŋ]
*ayaŋ	[ayaŋ]
*tuqəlaŋ	[tulaŋ]
*ayam	[aya <sup>ŋ</sup> ]
*tanam	[tanã <sup>ŋ</sup> ]
*malam	[mãla <sup>ŋ</sup> ]

Walau bagaimanapun, pengekalan tidak terjadi dalam urutan MP \*-an. Hal ini dinyatakan demikian kerana DHK merealisasikan MP \*-an sebagai [ɛ]. Contohnya, MP \*təlan, \*makan dan \*taŋan muncul sebagai [təɛ], [mãkɛ] dan [taŋɛ]. Perubahan ini menunjukkan persamaan dengan dialek hilir yang turut merealisasikan MP \*-am, \*-an dan \*-aŋ kepada [-ɛ] (Che Kob, 1985; Hasrah, 2018b; Uthai, 2011; Wu, 2023).

Dalam pada itu, data yang diperoleh daripada informan generasi muda juga menunjukkan perilaku fonologi yang serupa dengan dialek hilir seperti yang terkandung dalam Jadual 4. Data dalam jadual ini memperlihatkan perubahan vokal MP \*a yang mengikuti nasal kepada [ɛ].

**Jadual 4**

*MP \*a > [ɛ]*

MP	DHK
*uɣaŋ	[oɣɛ]
*pisaŋ	[piɛ]
*ayam	[ayɛ]
*tanam	[tanɛ̃]
*makan	[mãkɛ]
*taŋan	[taŋɛ̃]

Jika dibuat perbandingan data dalam Jadual 3 dengan Jadual 4, terdapat perbezaan realisasi vokal MP \*a yang mengikuti nasal \*m, \*n dan \*ŋ. Perbezaan yang dimaksudkan ini boleh dikaitkan dengan generasi informan yang ditemui bual. Berkaitan dengan perkara ini, informan generasi tua meralisasikan MP \*-aŋ dan \*-am kepada [-aŋ] (Jadual 3), sebaliknya informan generasi muda mengubah MP \*-am, -an dan -aŋ kepada [-ɛ] (Jadual 4). Dari segi perubahan antara generasi, rumusnya ialah MP \*-am, \*-an dan \*-aŋ > generasi tua [-aŋ] > generasi muda [-ɛ]. Rumus perubahan bertahap ini menunjukkan kewujudan pengaruh dialek hilir di hulu apabila [-aŋ] (< MP \*-am dan \*-aŋ) berubah kepada [-ɛ] menerusi pengguguran nasal akhir ([ŋ] > ∅) dan peninggian vokal ([a] > [ɛ]).

Persoalannya, mengapakah trajektori perubahan seperti ini terjadi? Hasrah (2019) menyatakan bahawa salah satu faktornya ialah migrasi penutur dialek hilir ke



kawasan hulu. Keberadaannya di hulu membuatkan DHK bergeser dengan dialek hilir. Kesannya menyebabkan DHK meminjam beberapa ciri penting dialek hilir untuk diserapkan ke dalam sistem linguistiknya. Persoalan tentang sebab DHK yang merupakan dialek tempatan meminjam ciri dialek kelompok penghijrah akan dikupas dalam bahagian yang berkaitan.

**Dialek Hulu Dungun**

DHD dituturkan oleh masyarakat yang tinggal di hulu Sungai Dungun (Hasrah, 2020). Secara spesifik, kawasan ini melibatkan seluruh mukim Pasir Raja yang terdiri daripada tiga kampung, iaitu Pasir Raja, Shukor dan Jongok Batu. Hasrah (2020) mengemukakan tiga ciri linguistik khas yang menunjukkan DHD lebih dekat dengan dialek Hulu Tembeling dan DHP berbanding dengan dialek Terengganu. Ciri yang dimaksudkan ialah:

- i. Pengekalan MP \*i dan \*u suku kata praakhir

MP	DHD
*ikuy	[ikɔ]
*tiŋuk	[tiŋɔʔ]
*timbang	[timbɔʔ]
*utak	[utɔʔ]
*yutan	[yutan]
*yusak	[yusɔʔ]

- ii. MP \*-a > [-ɛ]

MP	DHD
*paha	[pəhɛ]
*muka	[mũkɛ]
*dada	[dadɛ]
*mata	[mãtɛ]
*təliŋa	[lɪŋɛ]

- iii. Preposisi lokatif MP \*di direalisasikan sebagai [d] dengan penambahan konsonan geseran velar bagi kata dasar yang bermula dengan vokal, manakala preposisi MP \*kə menjadi geminasi konsonan menerusi proses penyingkatan morfologi.

MP	DHD
*di atas	[dɣatah]
*di hulu	[dɣulu]
*di ujun	[dɣudʒɔ]
*kə atas	[kkatah]
*kə ulu	[kkulu]
*kə ujun	[kkudʒɔ]

Tiga ciri khas DHD ini memperlihatkan perbezaan dengan ciri dialek hilir di pesisir pantai Terengganu. Varian Beladau Selat misalnya menunjukkan realisasi berikut (Hasrah, 2018a, 2020):

1. Perendahan MP \*i dan \*u suku kata praakhir

MP	BELADAU SELAT
*ikuy	[ɛkɔ]
*tiŋok	[tɛŋɔʔ]
*timbang	[tɛmbɔʔ]
*utak	[ɔtɔʔ]
*yutan	[ɣɔtɔŋ]

2. MP \*-a > [-ə]

MP	BELADAU SELAT
*paha	[pəhə]
*muka	[mūkə]
*dada	[dadə]
*mata	[mātə]
*təliŋa	[lɪŋə]

3. Preposisi lokatif MP \*di, \*kə mengalami geminasi

MP	BELADAU SELAT
*di atas	[da:tah] [a:tah]
*di ulu	[du:lu] [u:lu]
*kə atas	[kkatah]
*kə ulu	[kkulu]

Perbandingan ketiga-tiga ciri DHD dengan ciri Beladau Selat memperlihatkan perbezaan, terutamanya dari segi realisasi fonem tertentu. Oleh sebab itu, Hasrah (2020) menarik satu kesimpulan bahawa DHD merupakan dialek yang membentuk cabang yang terpisah daripada dialek Terengganu pesisir walaupun kedua-duanya berada dalam negeri Terengganu.

Walau bagaimanapun, cerapan rawak di lapangan memberi gambaran tentang situasi pergeseran linguistik di Pasir Raja. Hal ini secara spesifik merujuk pemerhatian terhadap lakuan bahasa informan generasi muda yang menunjukkan perubahan dialek sedang berlaku. Bukan sahaja informan generasi muda, malah informan utama yang berusia lewat 50-an pun turut menunjukkan pergeseran linguistik dalam pertuturannya. Pergeseran linguistik yang dimaksudkan terserlah dalam dua ciri, iaitu:

1. MP \*-a > [-ə]
2. Perendahan vokal tinggi suku kata praakhir

Untuk ciri (1), perkataan yang bermaksud “paha”, “mata” dan “telinga” tidak lagi disebut oleh informan generasi muda dan informan utama sebagai [pəhɛ], [mātɛ], [tliŋɛ] tetapi [pəhə], [mätə], [liŋə]. Maka, perubahan fonologi antara generasi ialah MP \*-a > [-ɛ] > [-ə]. Fakta ini menunjukkan DHD memiliki trajektori perubahan yang menghala ke hilir, iaitu ke arah dialek pesisir. Hal ini disebabkan perubahan vokal MP \*-a kepada schwa merupakan ciri khas dialek di pesisir pantai Terengganu (Hasrah, 2020; Omar, 2008; Wu, 2023).

Bagaimanakah peralihan linguistik bagi MP \*a terjadi di kawasan hulu Sungai Dungun? Hasrah (2020) memberi bayangan tentang migrasi ke hulu oleh masyarakat hilir sebagai penyebabnya. Secara rinci, pada asalnya ketiga-tiga kampung paling hulu di Sungai Dungun dihuni oleh penutur DHD secara keseluruhannya. Kemudian berlaku migrasi penduduk hilir ke hulu menyebabkan pergeseran linguistik berlaku.

Hasrah (2020) turut menyatakan bahawa kontak antara masyarakat hulu dengan masyarakat hilir tidak sahaja berlaku di hulu, tetapi turut muncul di Kuala Dungun. Hal ini terjadi apabila ramai dalam kalangan anak dari Pasir Raja, Shukor dan Jongok Batu bersekolah di kuala. Kontak, sama ada yang terjadi di hulu mahupun di hilir, menghadirkan kesedaran kepada penutur DHD bahawa mereka merupakan sebahagian penduduk negeri Terengganu. Oleh sebab di negeri ini hanya terdapat satu varian dialek yang dominan dan berprestij, yakni dialek hilir atau pesisir (Collins, 1983a; Omar, 1985), maka penyerlahan keperibadian penduduk Terengganu adalah dengan menjadikannya sebagai wahana pertuturan (Keller, 1994).

### **Dialek Hulu Kedah**

Hasrah dan Abd. Ghani (2021) serta Abd. Ghani dan Hasrah (2022) menegaskan DHKe yang dituturkan di Baling sepatutnya diiktiraf sebagai dialek tersendiri, dan bukannya sebagai subdialek kepada dialek Kedah seperti yang diterima umum (Omar, 1985; Sulaiman, 2015). DHKe membentuk cabang khas merangkumi dialek di Sik dan Pengkalan Hulu. Antara ciri khas DHKe termasuklah realisasi konsonan MP \*ɣ di dua posisi, iaitu awal dan antara vokal. Di posisi akhir, MP \*ɣ digugurkan. Perinciannya seperti berikut:

1. MP \*ɣ > [ɣ] di posisi awal dan antara vokal

MP	DHKe
*ɣumah	[ɣumɔ̃h]
*ɣamay	[ɣamɛ̃]
*ɣəbus	[ɣbuh]
*kiɣi	[kiɣi]
*pəɣut	[pɔ̃ʔ]

2. MP \*-ɣ > ∅, dengan perubahan nilai vokal yang hadir di sebelumnya

MP	DHKe
*bakɣ	[bakɔ]
*iliɣ	[ile]

*aɲiy	[aɲɛ̃]
*aɲcuɣ	[atʃo]
*akay	[ako]

Dalam dialek Kedah piawai, ciri (1) dan (2) memperlihatkan realisasi yang berbeza dengan DHKe. Menurut Omar (1985), bagi ciri (1), realisasinya ialah [ɤ]. Bagi ciri (2) pula, MP \*ɣ > [ʃ]. Omar menegaskan kedua-dua ciri ini membentuk sekelompok inovasi khas dialek Kedah piawai. Oleh sebab realisasi MP \*ɣ dalam DHKe berbeza dengan dialek Kedah piawai justeru menegaskan kemandiriannya, maka DHKe memerlukan pengelompokan khas yang terpisah daripada dialek piawai tersebut.

Walau bagaimanapun, ciri fonologi khas DHKe yang dipaparkan turut memperlihatkan pergeseran linguistik sehingga menyebabkan statusnya sebagai dialek tersendiri tidak lagi absah. Berkaitan dengan perkara ini, informan generasi muda yang ditemu bual dilihat menggunakan dialek Kedah piawai dalam banyak keadaan. Dengan bertutur dalam dialek Kedah piawai, maksudnya informan generasi muda mengubah konsonan MP \*ɣ kepada [ɤ] seperti dalam [ɤumɔ̃h] "rumah", [ɤamɛ̃] "ramai" dan [dʒəɲin] "buah jering". Selain itu, informan generasi muda juga memperlihatkan realisasi MP \*ɣ kepada konsonan frikatif faring [ʃ]. Maka, [bako] "bakar", [ako] "akar" dan [ile] "hilir" dituturkan sebagai [bakaʃ], [akaʃ] dan [iliaʃ].

Fakta yang dikumpul di lapangan menunjukkan keberadaan konsonan MP \*ɣ dalam DHKe telah berinovasi menerusi beberapa tahap sehingga menjelma dalam pertuturan informan generasi muda. Tahap yang dimaksudkan ialah:

1. MP \*ɣ diretensikan sebagai [ɣ] di posisi awal dan antara vokal.
2. Di posisi akhir, MP \*ɣ mengalami pengguguran, dan mengubah nilai vokal sebelumnya. Gejala ini boleh dianggap sebagai ciri kawasan di Baling (Hajek, 2010), kerana dialek-dialek dalam ekologiannya seperti dialek Pengkalan Hulu (Che Rosdi & Aman, 2020; Che Rosdi et al., 2023) dan dialek Patani (Uthai, 2011) turut menunjukkan gejala yang serupa.
3. Konsonan geseran velar [ɣ] di posisi dalam (i) berubah kepada [ɤ] dalam pertuturan informan generasi muda.
4. Begitu juga di posisi (ii) kerana berlaku penambahan semula segmen yang digugurkan dalam pertuturan informan generasi muda, yakni daripada zero atau ∅ kepada konsonan hentian anak faring [ʃ]. Penambahan ini juga mengubah nilai vokal asal, yakni [ɔ], kepada vokal [a].

Dari satu segi, kewujudan gejala yang dikupas ini dapat dikaitkan dengan asimilasi pertuturan. Hal ini dinyatakan demikian kerana terdapat informan generasi muda yang ditemu bual seakan-akan mahu menyembunyikan identiti dialek natif apabila bertutur dengan orang luar. Akan tetapi, dari segi yang lain pula, yakni apabila pemerhatian yang lebih terperinci dilakukan, penyebab yang lebih absah untuk dipertimbangkan ialah pertuturan informan generasi muda sudah beralih kepada dialek Kedah piawai.

### Dialek Hulu Pahang

DHP ditakrifkan sebagai dialek yang dituturkan di lembangan Sungai Jelai, bermula dari Kuala Tembeling hingga ke hulunya di Kampung Serau, sebahagian perkampungan di kiri-kanan Sungai Lipis hingga ke Kuala Lipis termasuk kampung yang terletak di sepanjang Sungai Kechau (Hasrah, 2022; Hasrah et al., 2014). Kawasan ini merangkumi kampung yang terdapat di sungai kecil lain. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam bahagian ini hanya tertumpu kepada varian hulu Kechau.

Varian hulu Kechau dituturkan di kawasan Kechau bahagian atas meliputi kawasan yang bermula dari Kampung Melaka hingga ke Kampung Dada Kering (Hasrah, 2022). Semua kawasan ini diumpukkan di bawah nomenklatur hulu Kechau walaupun penduduknya tidak menggunakannya sebagai gelaran terhadap varian yang dituturkan. Berdasarkan data yang dikumpul di Sentang, dialek hulu Kechau memperlihatkan dua ciri fonologi khas, iaitu:

1. MP \*ɣ > [ʁ] di posisi awal dan antara vokal

MP	DHP
*ɣumah	[ʁuməh]
*təɣbaŋ	[tʁəbɑŋ]
*kəɣbaw	[kʁəbɔ]
*pəɣaŋ	[pʁəɑŋ]
*səɣaŋ	[sʁəɑŋ]

2. MP \*a > [ɑ] yang hadir sebelum nasal \*m dan \*ŋ

MP	DHP
*malam	[mɑlɑ]
*dalam	[dɑlɑ]
*teraŋ	[tʁɑ]
*kandaŋ	[kɑndɑ]
*pisaŋ	[pɑsɑ]

Dalam konteks dialek Pahang secara umum, keberadaan ciri (1) dan (2) berstatus distingtif. Maksudnya, kedua-dua ciri ini menjadi penanda bagi membezakan satu varian dengan varian yang lain. Fakta linguistik dialek Pahang ialah konsonan geseran velar [+suara] MP diretensikan dalam kebanyakan varian (Collins, 1983; Hasrah, 2022; Hasrah, et al., 2014; Idris, 1987; Omar, 2008; Saari et al., 2022; Zaidi et al., 2021). Maka, realisasi MP \*ɣ kepada geseran uvular [ʁ] di hulu Kechau boleh dianggap sebagai inovasi khas (Hasrah, 2022). Realisasi MP \*a juga serupa dengan MP \*ɣ. Jika MP \*a direalisasikan kepada [ɑ] di Kechau, di kawasan lain vokal ini kekal sebagai [a] dengan beberapa variasi (Collins, 1983b; Hasrah et al., 2014; Hasrah, 2022). Dalam huraian lain, di Hulu Pahang khususnya Kechau, realisasi MP \*a juga berfungsi sebagai penanda yang membezakannya dengan varian lain, seperti varian Budu yang menunjukkan kewujudan vokal yang dinasalkan (Hasrah, 2018a, 2019).

Walau bagaimanapun, pemerhatian terhadap informan generasi muda di Kampung Sentang memperlihatkan fenomena pergeseran linguistik dalam dua ciri di atas. Hal ini terjadi demikian kerana penyebutan [ʋ] dan [ɑ] yang menjadi ciri distingtif varian hulu Kechau sudah “dicairkan”. Perkataan “dicairkan” sengaja diletakkan tanda petik kerana persepsi masyarakat di Kuala Lipis ialah varian hulu Kechau agak “pekat” bunyinya kerana banyak fonemnya dihasilkan di titik artikulasi yang lebih ke belakang (Collins, 1983b; Hasrah, 2022; Hasrah et al., 2014). Pencairan [ʋ] dan [ɑ] menghasilkan bunyi [ɣ] dan [a]. Sebagai contoh, MP \*ɣumah “rumah” tidak lagi disebut sebagai [ʋumõh] tetapi [ɣumõh]. Begitu juga dengan MP \*malam “malam” yang dilafazkan sebagai [mãla] bukan [mãla].

Pergeseran linguistik seperti ini menunjukkan kecenderungan penutur varian hulu Kechau untuk menonjolkan gaya pertuturan dialek Pahang am. Faktanya, untuk bersatu dengan masyarakat yang lebih luas dan memiliki prestij, maka penutur varian hulu Kechau perlu memperlihatkan kebersamaan. Salah satu kebersamaannya adalah dari aspek linguistik. Omar (1985) menyatakan bahawa dialek Pahang piawai berdasarkan varian Pekan. Antara pewajaran Omar ialah kawasan tersebut memiliki prestij budaya, politik, ekonomi dan sosial. Semua ini ikut menjelmakan prestij linguistik. Maka, difusi linguistik dari Pekan yang tersebar menerusi kontak hilir-hulu di lembangan Sungai Pahang telah menghadirkan kesedaran kepada informan generasi muda di hulu Kechau untuk ikut bergabung menjadi orang Pahang yang tulen.


### **Trajektori Perubahan Dialek**

Analisis perubahan ciri fonologi khas dialek hulu menunjukkan kewujudan pola yang mendekatkannya dengan dialek piawai di kawasan kajian. Dialek piawai yang dimaksudkan ialah dialek hilir yang lebih berprestij (Omar, 1985). Trajektori seperti ini memperlihatkan perbezaan dengan Collins (2016) yang menampilkan kesimpulan bahawa peralihan dialek tradisional semenanjung adalah kepada bahasa Melayu piawai, kesan daripada kegiatan pembakuan bahasa yang dipaksakan menerusi pendidikan dan sistem penyiaran kebangsaan.

Seperti yang dinyatakan, hasil perbincangan menunjukkan trajektori perubahan dialek hulu yang berbeza dengan kesimpulan Collins kerana penyatuannya bukan kepada bahasa Melayu piawai tetapi kepada dialek piawai. Dapatan ini menyamai kesimpulan Omar (1985) yang menegaskan jalur difusi dialek adalah daripada kawasan pusat budaya yang dianggap menuturkan dialek piawai ke kawasan hulu. Secara gambar rajah, trajektori difusi ini dapat direpresentasikan menerusi konsep heteronomi dialek (Chambers & Trudgill, 1998), iaitu:

### Rajah 1

#### Trajektori Perubahan Dialek Hulu



Rajah 1 menggambarkan arah perubahan dialek hulu yang menghalu kepada dialek hilir, bukan kepada bahasa piawai. Hal ini ditunjukkan dengan segi tiga gelap yang lebih besar berbanding dengan segi tiga bahasa piawai yang lebih kecil. Penggunaan dua segi tiga bagi mewakili bahasa piawai dan dialek hilir/piawai ini bertujuan menunjukkan hakikat bahawa bahasa piawai masih mempengaruhi trajektori perubahan dialek hulu. Akan tetapi, pengaruhnya tidak begitu dominan berbanding dengan pengaruh dialek hilir/piawai.

#### Faktor Perubahan

Persoalannya, mengapakah berlaku pergeseran linguistik di semua kawasan hulu yang dikaji justeru menatijahkan peralihan kepada dialek hilir? Bagi mengupasnya, kajian ini berpandukan kepada konsep ekologi terutama ekologi manusia.

#### Ekologi Manusia

Ekologi manusia merujuk kedinamikan interaksi manusia dengan persekitaran (Smith & Pimm, 2022). Salah satu elemen ekologi manusia yang penting ialah demografi dan populasi yang menyebabkan migrasi atau penghijrahan (Britain & Trudgill, 2003). Migrasi berakhir dengan pembentukan dialek baru menerusi proses pelevelan (Trudgill, 2004). Walaupun bahagian sebelum ini tidak menunjukkan sebarang gejala pembentukan dialek baru, tetapi migrasi menyebabkan kontak manusiawi, yang ikut menghasilkan kontak dialek. Dalam situasi kontak, mekanisme *levelling* (Kerswill, 2003) mendominasi kolam linguistik [*feature's pool*] (Mufwene, 2001), justeru berdaya menatijahkan inovasi linguistik dialek termasuk trajektori difusinya. Oleh sebab itu ekologi manusia dianggap sebagai faktor penting bagi menjelaskan gejala perubahan dialek di kawasan yang dikaji.

Hakikatnya, manusia tidak kekal menetap di sesebuah kawasan selamanya. Keperluan ekonomi dan penghidupan mendesak manusia berhijrah ke

kawasan lain. Lebih menarik lagi ialah penghijrahan tidak sekadar membawa batang tubuh, tetapi turut beriringan dengan kebudayaan dan bahasa (McNeill, 1984). Menetapnya manusia di sesebuah kawasan membolehkan kawasan berkenaan dimanipulasi untuk kepentingan ekonomi, sosial atau politik. Berdasarkan fakta ini, dapat disimpulkan bahawa penghijrahan manusia ke kawasan hulu dan pedalaman di semenanjung turut ikut mengubah landskap budaya dan linguistik.

Omar (1985) umpamanya pernah menyinggung perkara ini sewaktu menghuraikan keragaman linguistik di Kuala Lipis yang diakibatkan oleh migrasi dari hilir ke hulu dan dari luar Pahang ke hulu Jelai. Lebih awal lagi daripada Omar ialah Hussein (1973) yang juga mengaitkan kerencaman dialek Pahang di Raub dengan migrasi orang Rawa dari Sumatera dan migrasi kesan daripada kegiatan perlombongan emas. Perubahan linguistik yang terjadi di hulu Kelantan, hulu Dungun, hulu Kedah dan dan hulu Pahang yang dikupas dalam bahagian lalu juga bertepatan dengan realiti yang dinyatakan ini. Maka, ia sememangnya menunjukkan bahawa penghijrahan manusia ke kawasan tersebut telah mempengaruhi aspek linguistik dalam dialek yang dituturkan.

Sebagai contoh, perubahan yang terjadi terhadap ciri fonologi khas DHK, iaitu daripada MP \*aŋ kepada [-ɛ]. Perubahan ini jelas menunjukkan pengaruh dialek hilir. Maka, dapat dikatakan bahawa dialek hilir berdaya mengalih gaya pertuturan khas DHK bagi menuruti gaya pertuturan masyarakat yang menuturkan dialek hilir. Hal yang sama terjadi kepada DHD yang menjelmakan realisasi MP \*a di posisi akhir sebagai [ɛ], serupa dengan dialek Hulu Terengganu (Collins, 1983a; Hasrah, 2022; Wu, 2023). Pada masa ini realisasi [ɛ] sudah beralih kepada [ə]. Vokal *schwa* dalam posisi ini merupakan ciri khas dialek Terengganu pesisir (Hasrah, 2020; Wu, 2023) yang dibawa oleh orang hilir yang berhijrah ke hulu Sungai Dungun.

Secara umum, perbincangan tentang perubahan ciri fonologi khas dialek yang dikaji menunjukkan keberadaan trajektori perubahan linguistik yang disebabkan oleh ekologi manusia. Trajektori yang dimaksudkan ialah penghijrahan masyarakat hilir ke kawasan hulu dan pedalaman telah mengimplikasikan suatu keadaan yang menuntut masyarakat asal di hulu mengubah gaya pertuturan agar menuruti percakapan orang yang berhijrah. Sandaran utama bagi kesimpulan ini ialah kupasan Trudgill (1986) tentang peranan prestij dalam situasi dialek berkontak; termasuk kupasan Kerswill (2003) yang menyatakan sebab *geographical diffusion* sesuatu dialek berpunca daripada kawasan penutur yang “...*populous and economically and culturally dominant centre*” (hlm. 225). Maka, masyarakat yang berhijrah dari hilir berasal dari kawasan pekan atau bandar dihuni ramai, justeru lebih berprestij sama ada dari segi sosial, budaya mahupun ekonomi. Kesannya, gaya pertuturan kawasan penghijrah akan menjadi panduan kepada penduduk di kawasan yang dihijrah. Hal ini dinyatakan demikian kerana pertuturan natif masyarakat kawasan yang dihijrah dipersepsikan sebagai kurang berprestij berbanding dengan pertuturan masyarakat penghijrah.

### **Tindak-Jelma Kejatian**

Perbincangan berkaitan aspek fonologi dialel ini menunjukkan sebab utama yang mendorong difusi dialek hilir-hulu boleh dikaitkan dengan fenomena tindak-jelma kejatian (*acts of identity*) (Le Page & Tabouret-Keller, 1985). Berkaitan dengan hal ini,



kecenderungan penutur untuk memilih lambang linguistik tertentu sebagai bentuk piawai pertuturan merupakan manifestasi psikologi bagi mengasosiasikan diri mereka dengan masyarakat bahasa yang dipersepsikan sebagai lebih berprestij (Le Page & Tabouret-Keller, 1985). Proses pengasosiasian berlaku secara sedar kerana ia melibatkan keinginan anggota masyarakat bahasa untuk ikut bergabung dengan masyarakat bahasa lain, justeru menegaskan hakikat bahawa pemilihan sesuatu lambang linguistik bagi mewakili pertuturan disandarkan pada kemahuan untuk bersatu dengan pengguna asal atau pengguna awal lambang linguistik berkenaan.

Hal yang serupa pernah dibincangkan oleh Trudgill (1986) tentang wawasan *dialect in contact* dan kemudiannya Trudgill (2011) menerusi idea *sociolinguistic typology*. Dalam Trudgill (1986), diperikan kecenderungan penutur bahasa Inggeris England untuk meniru aksen bahasa Inggeris Amerika Syarikat. Tujuannya adalah untuk memastikan penyatuan penutur jati bahasa Inggeris England itu dengan masyarakat bahasa di Amerika Syarikat. Dengan tipologi sosiolinguistik, Trudgill (2011) menegaskan bahawa peralihan bahasa daripada struktur yang kompleks kepada struktur mudah (*simple*) berpunca daripada penyatuan penutur bahasa X dengan masyarakat bahasa Y dalam situasi kontak. Sejajar dengan wawasan Le Page dan Tabouret-Keller, Trudgill juga beranggapan bahawa faktor penting yang mendorong penyatuan seperti ini ialah prestij.

Maka, tindak-jelma kejatian berfungsi sebagai penyebab kepada pergeseran linguistik di semua kawasan kajian. Di kawasan hulu, proses pelevelan menyebabkan banyak ciri diagnostik dialek lenyap secara beransur-ansur. Contohnya, realisasi fonem MP \*a di Hulu Terengganu dan Hulu Dungun kepada [ɛ], justeru menjadi inovasi khas bagi kedua-dua dialek. Akan tetapi, realisasi [ɛ] dalam pertuturan informan generasi muda sudah berubah kepada [ə], yakni mengikuti ciri dialek Terengganu pesisir. Contoh kedua ialah perubahan realisasi bagi urutan fonem MP \*-am, \*-an dan \*-an di Kuala Betis. Realisasi urutan ini asalnya ialah [-an], kemudian berubah menjadi [-ɛ] sejajar dengan bentuk pertuturan di kawasan hilir. Contoh ketiga pula ialah realisasi MP \*y di Baling. Dalam bentuknya yang asli, DHK mengekalkan fonem MP \*y. Namun begitu, realisasi fonem ini berubah kepada [ɥ], sama seperti bentuk yang ada dialek Melayu Kedah yang piawai.

Mengapakah peralihan seperti ini terjadi? Sebab perubahan mengambil tempat di Hulu Terengganu, Hulu Dungun, Hulu Kelantan, Baling dan hulu Pahang ialah kecenderungan penutur asli dialek hulu ini untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat penutur dialek hilir. Hal ini dinyatakan demikian kerana kawasan hilir dianggap sebagai kawasan yang memiliki prestij dalam segenap lapangan termasuk bahasa (Nasir, 2005). Kalau menjadikan Kelantan sebagai contoh, kawasan hilir Kelantan merupakan kawasan pusat kebudayaan, maka kawasan tersebut memiliki prestij yang tersendiri. Maka, takrif menjadi “orang Kelantan” bermaksud “menjadi serupa dengan orang di kawasan hilir”. Hal inilah yang berlaku di Hulu Kelantan, yakni adanya kesedaran dalam kalangan penutur DHK untuk bergabung dengan penutur dialek hilir agar dapat membentuk satu kelompok orang Kelantan. Maka, orang di Hulu Kelantan pun bertindak secara sedar untuk mengubah unsur linguistik yang menjadikannya berbeza dengan orang di hilir, iaitu dengan mendepankan [-an] kepada [ɛ].

Keadaan di Hulu Terengganu juga demikian. Fakta linguistik dialek Terengganu piawai ialah perubahan MP \*a kepada [ə] di posisi akhir. Di kawasan hulu, sama ada hulu Dungun mahupun Hulu Terengganu, dialek aslinya tidak menunjukkan perubahan seperti ini, tetapi muncul sebagai [ɛ]. Kini, di kedua-dua kawasan hulu ini telah berlaku perubahan daripada [ɛ] kepada [ə]. Hal ini menunjukkan tiada lagi pemisahan antara dialek hulu dengan hilir di Terengganu kerana kedua-duanya sudah merealisasikan bentuk *schwa* bagi vokal MP \*a. Sebab utama yang menjelmakan keadaan ini ialah keinginan penutur dialek di kawasan hulu untuk ikut bergabung dengan penutur dialek pesisir bagi membentuk masyarakat Terengganu, memandangkan kawasan hilir memiliki prestij yang tidak dimiliki oleh penduduk yang tinggal di kawasan hulu sungai.

### Kesimpulan

Kajian ini menghuraikan pergeseran ciri fonologi khas DHK, DHD, DHKe dan DHP dan perubahannya ke arah penyatuan dengan dialek hilir. Penyatuan ciri fonologi khas dialek hulu dengan dialek hilir menjelmakan difusi dialek dari hilir ke hulu. Kajian ini juga telah membincangkan faktor yang mendorong perubahan dialek hulu kepada dialek hilir yang dikaitkan dengan konsep ekologi manusia.

Dari segi fonologi, DHK, DHD, DHKe dan DHP memiliki ciri khas yang terhasil daripada inovasi dan retensi fonem MP. Ciri tersebut masih jelas kedengaran dalam pertuturan informan generasi tua. Perbandingan dengan pertuturan informan generasi muda menunjukkan berlakunya peralihan linguistik. Maksudnya, informan generasi muda sudah tidak atau jarang menuturkan ciri khas dialek hulu seperti informan generasi tua. Analisis perbandingan fonologi menunjukkan bentuk linguistik yang dituturkan oleh informan generasi muda ialah ciri khas dialek hilir.

Peralihan informan generasi muda dialek hulu kepada ciri khas dialek hilir menunjukkan trajektori difusi dialek adalah dari hilir ke hulu. Kajian ini menganalisis trajektori ini menerusi model heteronomi dialek, lantas menampilkan kesimpulan bahawa bukan bahasa Melayu piawai yang berfungsi sebagai sumber difusi tetapi dialek yang dianggap piawai di kawasan hulu, dan dialek piawai tersebut merupakan dialek yang dituturkan di kawasan hilir. Trajektori difusi dialek yang sedemikian membolehkan kajian ini menambah baik model heteronomi dialek yang dikemukakan oleh Collins (2016).

Trajektori difusi dialek hilir > hulu turut menimbulkan persoalan tentang faktor penyebabnya. Kajian ini mengupas secara rinci sebab ekologi manusia, atau secara spesifiknya migrasi masyarakat hilir ke kawasan hulu. Kajian ini menegaskan bahawa keberadaan masyarakat hilir di kawasan hulu memberi kesan secara psikologi kepada masyarakat hulu untuk berasimilasi, justeru membentuk masyarakat linguistik yang lebih luas. Kesan psikologi ini dikupas menerusi konsep tindak-jelma kejatian.

Oleh sebab terdapat banyak kekangan, maka masih banyak isu yang belum terjawab tentang perubahan dialek di kawasan hulu dan pedalaman serta trajektori difusinya lantas menuntut kajian yang lebih mendalam dan sistematik. Pertama, adakah semua kawasan hulu dan pedalaman memperlihatkan pola perubahan yang serupa maka boleh digeneralisasikan dalam semua keadaan? Kedua, adakah peringkat morfologi dan sintaktik turut memperlihatkan perubahan yang serupa?

Ketiganya pula adakah trajektori difusi hanya bersifat sehalu, yakni hilir > hulu, atau mungkin trajektorinya bersifat dua hala?

### Penghargaan

Kajian ini didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MoHE) menerusi *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS-Racer) (RACER/1/2019/SSI01/UUM//1).

### Rujukan

- Abd Ghani, M. K. A., & Hasrah, M. T. (2022). The migration of non-local communities and effects on language ecosystem in Baling, Kedah: Historical and linguistic evidence. *Proceedings of the 9th Asbam International Conference (Archeology, History, & Culture in the Nature of Malay (ASBAM 2021))*, 660, 376-383. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.220408.052>.
- Abd Ghani, M. K. A., & Hasrah, M. T. (2023). Gelaja aspirasi dalam dialek Melayu Baling: Kontak dan inovasi. In M. Yusuf, K. Harun, & R. Aman (Eds.), *Bahasa dan identiti masyarakat tutur* (pp. 63-81). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Britain, D., & Trudgill, P. (1999). Migration, new-dialect formation and sociolinguistic refunctionalisation: Reallocation as an outcome of dialect contact. *Transactions of the Philological Society*, 97, 245-256. <https://doi.org/10.1111/1467-968X.00050>.
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Che Kob, A. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Rosdi, N. H., & Aman, R. (2020). Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu*, 19(2), 216-242.
- Che Rosdi, N. H., Aman, R., & A. Hamid, S. (2023). *Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan linguistik perbandingan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1983a). *Dialek Ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1983b). Dialek Pahang: Rangka pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 27, 7-29; 99-118.
- Collins, J. T. (1998). Bahasa Melayu Hulu Tembeling: Menjejak sejarah Semenanjung. *Jurnal Dewan Bahasa*, 2, 145-157.
- Collins, J. T. (2016). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajek, J. (2010). Aspiration in some varieties of Northern Aslian. *Oceanic Linguistics*, 49(2), 359-368.
- Hasrah, M. T. (2018a). Dialek Melayu hulu dan hilir di timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 65-102.
- Hasrah, M. T. (2018b). Dialek Melayu Hulu Kelantan: Laporan awal. *Jurnal Bahasa*, 18(2), 119-252.
- Hasrah, M. T. (2019). Penasalan vokal dalam dialek Melayu Hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 199-230.

- Hasrah, M. T. (2020). Dialek Pasir Raja: Ciri fonologi dan pengelompokan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 173-202.
- Hasrah, M. T. (2022). *Dialek Melayu hulu di Semenanjung timur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasrah, M. T., & Abd. Ghani, M. K. A. (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 193-216. [http://doi.org.10.37052/jb21\(2\)no2](http://doi.org.10.37052/jb21(2)no2).
- Hasrah, M. T., Aman, R., & Hamid, S. A. (2014). *Fosil dialek Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussein, I. (1973). Malay dialects in Malay Peninsula. *Nusantara*, 3(1), 69-79.
- Idris, A. (1987). Fonologi dialek Pahang: Satu kajian awal di Kampung Sentang. *Jurnal Dewan Bahasa*, 6, 415-431.
- Jalaluddin, N. H., Halim, W. A., & Radzi, H. (2022). Sorotan dialek di Terengganu selepas tiga dekad: Perspektif geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(3), 77-102. <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2103-05>
- Jalaluddin, N. H., Hamzah, S. N., & Radzi, H. (2020). *Dialektologi dan GIS*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keller, R. (1994). *On language change: The invisible hand in language*. Routledge.
- Kerswill, P. (2003). Dialect levelling and geographical diffusion in British English. In D. Britain & J. Cheshire (Eds.), *Social dialectology. In honour of Peter Trudgill* (pp. 223-243). John Benjamins.
- Le Page, & Tabouret-Keller, A. (1985). *Acts of identity*. Cambridge University Press.
- Mufwene, S. (2001). *The ecology of language evolution*. Cambridge University Press.
- Nasir, A. H. (2005). *Lembangan sungai dalam peradaban Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Noor, W. S. (1983). *Fonologi dialek Pahang: Kajian permulaan di sekitar Padang Tengku*. (Latihan ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Omar, A. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saari, K. A., Jalaluddin, N. H., & Mohamed Sultan, F. M. (2022). Analisis vokal /a/ di akhir kata dalam dialek Melayu di hilir Pahang. *GEMA Online Journal of Language Studies* 22(4), 142-160. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2204-09>.
- Salam, N. S. A., & Jaafar, S. R. S. (2019). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek petani Sik. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(1), 316–343.
- Smith, R. L., & Pimm, S. L. (2022). Ecology. Dalam *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/science/ecology>. Diakses pada 14 Januari 2023.
- Sulaiman, N. F. (2015). *Sistem fonologi subdialek Baling, Kedah*. (Latihan ilmiah sarjana muda, Universiti Malaya). UM Research Repository.
- Swadesh, M. (1951). Diffusional cumulation and archaic residue as historical explanations. *Southwestern Journal of Anthropology*, 7(1), 1-21.
- Trudgill, P. (1986). *Dialect in contact*. Wiley Blackwell.
- Trudgill, P. (2004). *New-dialect formation: The inevitability of colonial Englishes*. Edinburgh University Press.
- Trudgill, P. (2011). *Sociolinguistic typology: Social determinants of linguistics complexity*. Oxford University Press.

- Uthai, R. (2011). *Keistimewaan dialek Patani*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wu, J. (2023). *Malayic varieties of Kelantan and Terengganu: Description and linguistic history*. Netherlands Graduate School of Linguistics.
- Zaidi, M. N., Aman, R., & Shahidi, A. H. (2021). *Genetik purba dialek Melayu di lembangan tengah Sungai Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.